

11/05/2002

`Jangan pertikai cara DAP'

GEORGETOWN, Jumaat - Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh, mengingatkan Pas tidak mempertikaikan cara parti itu mengutuk sebarang bentuk keganasan sama ada di dalam atau luar negara.

Sambil mengingatkan Pas supaya tidak mempertikaikan kesetiaan parti itu kepada negara, Karpal dalam satu kenyataan hari ini berkata, DAP sentiasa bersama Umno dan Pas dalam tindakan mengutuk keganasan Israel terhadap rakyat Palestin.

"Isu ini mengetepi fahaman politik dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendapat sokongan DAP bagi memerangi keganasan antarabangsa," katanya.

(END)